

NO. SOALAN : 395

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

SOALAN NO. 395

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengenai peranan KEMAS dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan bagaimana kedua-dua institusi ini diselaraskan untuk memberi khidmat kepada masyarakat.

JAWAPAN

Peranan KEMAS (Umum)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, KEMAS merupakan satu agensi kerajaan yang telah ditubuhkan khususnya untuk membangunkan Masyarakat luar Bandar. Sebagai agensi yang rapat dengan masyarakat, KEMAS memberikan perkhidmatan kepada masyarakat melalui program dan aktiviti yang telah dirancang pada setiap tahun berdasarkan peruntukan yang disediakan.

2. Khidmat masyarakat KEMAS adalah melalui pendidikan awal kanak-kanak yang merangkumi aktiviti penjagaan, asuhan dan didikan kanak-kanak berusia 2-6 tahun. Aktiviti ini dijalankan melalui program TABIKA dan TASKA KEMAS.

NO. SOALAN : 395

3. Khidmat Masyarakat KEMAS juga merangkumi pengajaran pendidikan kemahiran kepada masyarakat desa. Pelbagai aktiviti kemahiran yang diajarkan kepada masyarakat luar bandar seperti kemahiran jahitan, masakan, anyaman dan sebagainya. Aktiviti ini disediakan daripada peringkat asas sehingga ke peringkat sijil dan diploma di Akademi Kemahiran KEMAS sedia ada.

4. KEMAS juga berperanan dalam membangunkan usahawan rintis. Pembangunan usahawan rintis adalah bermaksud membangunkan usahawan bermula daripada kecil-kecilan dan sehingga mampu menjana pendapatan yang besar. Pembangunan usahawan bermula melalui program seperti *QuickWin* yang memberikan peralatan permulaan untuk masyarakat luar bandar memulakan perniagaan hinggalah kepada bantuan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran produk seseorang usahawan.

Peranan KEMAS Kepada MPKK

5. Untuk makluman Yang Berhormat jua, KEMAS membangunkan Masyarakat luar Bandar melalui penggerak yang bertugas di kawasan-kawasan yang tertentu. Setiap penggerak akan membantu sebanyak 30-50 MPKK. Peranan utama penggerak ini adalah sebagai pendamping MPKK dimana mereka perlu berhubung rapat dengan kepimpinan MPKK. Penggerak ini akan membantu MPKK untuk melaksanakan pengurusan desa yang baik berdasarkan latihan yang telah diberikan kepada mereka.

6. Penggerak juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat kepada MPKK. Khidmat nasihat seperti kaedah yang betul dalam menyediakan kertas kerja untuk memohon geran MPKK yang disediakan oleh KPLB. Selain daripada khidmat nasihat dalam penyediaan kertas kerja, penggerak KEMAS juga memainkan peranan dalam membantu MPKK menjayakan sesuatu program yang ditetapkan agar tidak melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh KPLB.

NO. SOALAN : 395

7. Penggerak juga berperanan sebagai fasilitator kepada MPKK dalam memajukan kampung masing-masing. Contohnya, Program Desa Harapan, Desa Cemerlang dan Desa Lestari memperlihatkan peranan penggerak untuk membantu MPKK bagi mencapai kejayaan dalam program-program tersebut. Selain itu, penggerak akan membantu MPKK untuk melengkapkan Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional yang menjadi rujukan serta membantu dalam penyediaan pelan tindakan kampung bagi memastikan pentadbiran MPKK berada di landasan yang betul.
8. KEMAS selaku agensi KPLB berperanan sebagai penghubung antara KPLB dan MPKK kerana penggerak KEMAS ada di setiap kawasan. Sebagai penghubung KEMAS perlu memastikan urustadbir yang baik dapat dilaksanakan oleh MPKK. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh penggerak KEMAS pada hari ini melalui taklimat, bengkel dan latihan secara berterusan telah diberikan oleh KEMAS kepada MPKK.